

Panduan Mengubah Kertas Prosiding kepada Bab dalam Buku atau Artikel Jurnal

Kriteria

Untuk memastikan sebuah kertas prosiding yang dihantar / dibentang dalam sebuah konferens boleh diterbitkan secara formal sebagai sebuah bab dalam buku atau artikel dalam jurnal akademik beberapa kriteria perlu dipenuhi:

1. Isikandungan bab dalam buku dan artikel dalam jurnal **perlu mencapai 70% keaslian melalui laporan Turnitin & AI**. Segala kutipan atau bintuan daripada AI yang digunakan dalam isi kandungan bab atau artikel perlu diiktiraf di bahagian rujukan.
2. **Jika laporan Turnitin mendapati lebih daripada 30%** persamaan dengan penerbitan lain manuskrip tersebut akan **dianggap plagiat** dan melanggar etika penerbitan
3. Penerbitan yang diterima **mesti mematuhi rubrik atau gaya penulisan UMS atau jurnal Gendang Alam** yang boleh dimuat turun daripada website PASTIK 2024 melalui link UPC.
4. Kebiasaan bab dalam buku dan artikel dalam jurnal **memerlukan tambahan maklumat dalam bahagian sorotan literatur, metodologi kajian dan khususnya dalam bahagian dapatan**. Sebagai contoh kertas prosiding hanya melapor secara umum bahagian-bahagian tersebut tetapi perincian dalam bentuk carta/table/nombor statistik akan diserlah dengan lebih perinci.

Ringkasan Cara Menukar Prosiding kepada Bab dalam Buku / Artikel jurnal

1. **Tukar tajuk/judul kertas prosiding** (perkataan yang diguna dan ayat perlu berbeza daripada yang terdapat dalam prosiding yang sudah diterbitkan) supaya hanya ada kata kunci subjek atau objek penyelidikan ternyata.
2. **Objektif kajian dan soalan kajian boleh sama** seperti prosiding yang sudah diterbitkan atau sama dengan sumber asli penyelidikan iaitu sebuah tesis/ laporan penyelidikan.
3. **Sorotan literatur** perlu diulas dengan menggunakan perkataan dan ayat berbeza. Dicadangkan tambahan sorotan buku
4. Dalam bahagian "**Metodologi**" isi kandungan prosiding pula dicadangkan **carta alir metodologi dan analisis yang lebih perinci** digunakan untuk mengulas bersama contoh analisis dijalankan jika perlu.
5. **Dapatan kajian** dalam kertas prosiding biasanya secara umum dan bukan hasil dapatan penuh sesuatu kajian. Dicadangkan penyelidik **tambah beberapa dapatan kajian yang baru belum diserlah dalam prosiding** dalam isi kandungan bab dalam buku atau artikel jurnal. Ulasan dapatan kajian lama perlu

diubah dengan menggunakan cara susunan atau perkataan serta frasa ayat berbeza daripada apa yang sudah digunakan dalam kertas prosiding.

6. **Cara penyampaian rumusan** perlu diubah iaitu ayat dan perkataan yang digunakan jika merujuk kepada jawapan soalan kajian. Rumusan juga perlu menyimpul berdasarkan judul baru bab atau artikel dalam jurnal tersebut.

Semoga ringkasan tersebut dapat membantu anda semua mencapai satu penerbitan formal lagi selepas penerbitan kertas prosiding anda. Salinan panduan ini juga boleh diakses melalui link tersebut. Terima Kasih.

https://youtu.be/sX_edZ0lkwo

PM Dr. Sim Chee Cheang
Pengerusi
PASTIK 2024